

11 NOV 2000

Mahathir-Tiba

DR MAHATHIR TIBA DI DOHA UNTUK SIDANG KEMUNCAK OIC

Oleh: Abdul Muin Abd Majid

DOHA, Qatar, 11 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini diberi sambutan permaidani merah setibanya untuk menghadiri Sidang Kemuncak Persidangan Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC).

Ketibaan Perdana Menteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Doha disambut oleh Emir Qatar Sheikh Hamad bin Khalifa Al-Thani sebelum diperkenalkan kepada barisan orang kenamaan negara itu.

Dr Mahathir juga memeriksa kawalan kehormatan sebelum dibawa ke kediaman rasminya di sini.

Perdana Menteri dijadual mempengerusikan mesyuarat dengan pegawai-pegawai Malaysia pada sebelah petang sebagai persiapan untuk "Sidang Kemuncak bagi Keamanan dan Pembangunan" selama tiga hari mulai esok.

Mesyuarat yang akan berlangsung di Sheraton Doha, akan melantik Sheikh Hamad sebagai pengerusi kesembilan sidang kemuncak OIC. Mesyuarat sebelum ini berlangsung di Tehran, Iran pada 1997.

Dr Mahathir akan berucap mewakili kumpulan Asia.

Selain beberapa pemimpin OIC yang lain, cendekiawan Islam terkemuka Prof Dr Yusuf Qardawi dijangka menemui Dr Mahathir.

Malam ini, Dr Mahathir juga akan menemui intelektual Islam dan ahli perniagaan di Diplomatic Club.

-- BERNAMA

MAM LAT MAI